



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL KLUSTER PERAK UTARA

**KENYATAAN KETUA KLUSTER
HOSPITAL KLUSTER PERAK UTARA**

Hospital Kluster Perak Utara merupakan gabungan 5 buah hospital di 4 daerah di kawasan Perak Utara sejak Mac 2017. Hospital Kluster ini dianggotai oleh:

1. Hospital Taiping
2. Hospital Kuala Kangsar
3. Hospital Parit Buntar
4. Hospital Selama
5. Hospital Gerik

Hospital Kluster Perak Utara sentiasa mencari jalan yang terbaik untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti di semua hospital demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan keselesaan pesakit dan keluarga.

Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa setiap pesakit yang datang atau/dan daftar masuk ke wad di Hospital Kluster Perak Utara, akan dinilai sebaik-baiknya oleh anggota perubatan supaya boleh menerima rawatan perubatan yang paling optima. Pesakit akan dirujuk atau dipindahkan ke hospital di bawah Hospital Kluster Perak Utara atau ke hospital berpakar yang lain mengikut keperluan rawatan pesakit.

Hospital Kluster Perak Utara komited dalam melaksanakan perkhidmatan yang fokus kepada keperluan komuniti setempat (Perak Utara) dan juga berdasarkan keperluan pesakit secara individu. Ini merupakan usaha pengukuhan integrasi perkhidmatan kesihatan melalui pengoperasian hospital secara perkongsian.

**“Kepakaran Untuk Semua Dan Merakyatkan Perkhidmatan,
Ke Arah Transformasi Sistem Penjagaan Kesihatan”**

DR KHUZAINI BIN ABD KARIM P.C.M.
MBBS (Australia), MCM (Environmental Health, USM)
No MMC: 33731, No NSR: 134827
PAKAR PERUBATAN KESIHATAN AWAM UD56
KETUA KLUSTER & PENGARAH HOSPITAL
HOSPITAL TAIPING, HOSPITAL KLUSTER PERAK UTARA

1 Januari 2024